

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 - 6/1/1Jld 2(2)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN  
SUBANG JAYA BIL. 02 TAHUN 2015**

---

**Tarikh : 25 Februari 2015 (Rabu)**  
**Masa : 10.00 pagi hingga 11.40 pagi**  
**Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,  
Aras 2,  
Majlis Perbandaran Subang Jaya**

**HADIR**

- |     |   |   |                         |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1.  | YBhg. Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan<br>Yang Dipertua MPSJ | - | Pengerusi               |
| 2.  | Tuan Haji Abdullah bin Marjunid<br>Setiausaha Perbandaran     | - | Setiausaha<br>Mesyuarat |
| 3.  | Encik Pooi Weng Keong   | - | Ahli Majlis             |
| 4.  | Encik Stephen Chin Sou Bong                                   | - | "                       |
| 5.  | Encik Tai Cheng Heng  | - | "                       |
| 6.  | Encik Chia Yew Ken  | - | "                       |
| 7.  | Encik Loka Ng Sai Kai   | - | "                       |
| 8.  | Encik Michael Noel Jalleh                                     | - | "                       |
| 9.  | Encik Yap Kok Weng  | - | "                       |
| 10. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh                            | - | "                       |
| 11. | Ir. Izham bin Hashim  | - | "                       |

12.	Encik Wan Hock Leong	-	"
13.	Encik Mehanatan a/l Embamurthi	-	"
14.	Puan Norzaihan binti Ismail	-	"
15.	Encik Jaber bin Ami	-	"
16.	Encik Ban Shi Ron	-	"
17.	Encik P. Ravi Chandaran a/l Periasamy	-	"
18.	Puan Sharmazira binti Md Sharif	-	"
19.	Dr. Mahendran a/l V Markandoo	-	"
20.	Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli	-	"
21.	Encik Tan Pang Yeow	-	"
22.	Puan Azalea Zulaikha binti Hj. Zulkifli	-	"
23.	Puan Kavitha a/p Chandragesan	-	"

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

1.	Encik Chong Hoon Ming	-	Ahli Majlis
2.	Encik Mohamad Rosharizan bin Mohd Rozlan	-	"

**TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)**

1. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali  
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Hamizun binti Mohd Basar  
Pengarah, Jabatan Korporat Dan Pengurusan Strategik
3. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus  
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
4. Y.M. Raja Amir Iskandar bin Raja Azlan  
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
5. Encik Mohd Fadzil bin Mahat  
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
6. Encik Ismail bin Muhamad  
Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
7. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff  
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
8. Encik Ismail bin Salim  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
9. Puan Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman  
Pengarah, Jabatan Hasil
10. Puan Anita binti Abd. Jalil  
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
11. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin  
Pengarah, Jabatan Kesihatan
12. Ir. Mohd Ariffuddin bin Hj Kamari  
Pengarah, Jabatan Bangunan
13. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid  
Pengarah, Jabatan Pelesenan

14. Encik Fadzli bin Zubi  
Pengarah, Jabatan OSC
15. Puan Nik Zalina binti Megat Muda  
Pegawai Integriti, Unit Integriti
16. Puan Noraziah binti Ali  
Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Audit Dalam
17. Encik Nazarudin bin Mashtuki  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
18. Puan Satinah binti Safirol  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan COB
19. Mejar Mohd Rasip bin Rasul (Bersara)  
Timbalan Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
20. Encik Hazman bin Mohd Mahayudin  
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
21. Puan Aida binti Omar  
Timbalan Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
22. Encik Ahmad bin Hasan  
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
23. Encik Muhammad Azli bin Miswan  
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat Dan Pengurusan Strategik
24. Encik Nor Azmi bin Mohd. Rosli  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
25. Puan Azlina binti Mat Salim  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
26. Encik Mohd Hafiz bin Sharif  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
27. Encik Mohd Faudzi bin Nazaruddin  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta

28. Cik Hasnor Salwa binti Harun  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
29. Encik Mohd Haizi bin Harun  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan
30. Encik Mohd Razif bin Abdul Rahman  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan
31. Puan Rohana binti Ramli  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perancang Bandar
32. Puan Nor Shahela binti Amzah  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perbendaharaan
33. Puan Norsilawati binti Mohd Yatim  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil
34. Encik Saipudin bin Sulaiman  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
35. Encik Mohd Razmi bin Mat Sehat  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
36. Encik Alias bin Miskon  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kesihatan
37. Encik Mohd Reyzal bin Mazlan  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
38. Puan Rosmawati binti Zainuddin  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
39. Puan Rahimah binti Aisa @ Hassan  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
40. Puan Sadzliawaty binti Mohamad Dom  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
41. Encik Mohd Nazri bin Jamaludin  
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat

42. Encik Samsudin bin Ayob  
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
43. Encik Nazri Faiz bin Zainal  
Penolong Pengarah, Jabatan Pelesenan
44. Encik Nurli Izwan bin Haji Osman  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
45. Encik Mohd Saidi bin Alang  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
46. Cik Adibah binti Abdullah  
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
47. Puan Raja Norfadzila binti Raja Ayob  
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
48. Encik Mohd Safiee bin Junun  
Penolong Pengarah, Jabatan Bangunan
49. Encik Mohd Aisamuddin bin Razali  
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
50. Puan Nurfadzliana binti Ahmad Fadzil  
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
51. Puan Noraini binti Nazaruddin  
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
52. Puan Azizah binti Idris  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
53. Puan Nur Maini binti Ariffin  
Penolong Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
54. Encik Mohd Fadil bin Alos  
Penolong Pengarah, Bahagian Audit Dalam
55. Puan Mimi Zareena binti Md Nor  
Penolong Pengarah, Jabatan OSC

56. Encik Nordin bin Harun  
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
57. Puan Mazlina binti Mustafa  
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
58. Puan Intan Rozlina Hani binti Rasim  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
59. Encik Ahmad Fairuz bin Fadzil  
Ahli Muzik, Jabatan Pembangunan Masyarakat

### **URUSETIA**

1. Encik Salmi bin Mat Saad  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Encik Isham bin Abu Kassim  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Faizah binti Mazenan  
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan

## 1.0 DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

## 2.0 UCAPAN Pengerusi

YBhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat pada kali ini adalah Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 02/2015 dan seterusnya memaklumkan beberapa perkara:

### 2.1 PROGRAM TERJAH DAN MUSNAH AEDES 2015 DAERAH PETALING PERINGKAT MPSJ

Program Terjah Dan Musnah Aedes 2015 Daerah Petaling peringkat MPSJ telah diadakan pada 07 Februari 2015 (Sabtu) bertempat di kawasan SS 15/2, SS 15/3 dan SS 15/5, JKP Zon 1, Subang Jaya.

Majlis pelancaran telah disempunakan oleh Dato' Menteri Besar Selangor, YAB. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali. Program ini turut dihadiri oleh tetamu kehormat Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan, ADUN Subang Jaya, Y.B. Tuan Wong Chen, Ahli Parlimen Kelana Jaya dan Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi, Exco Kerajaan Negeri Selangor.

Seramai 75 orang wakil PBT Selangor yang terdiri daripada warga kerja Majlis Perbandaran Selayang, Majlis Perbandaran Sepang dan Majlis Daerah Hulu Selangor turut bekerjasama dengan MPSJ bagi menjayakan Program Terjah Dan Musnah Aedes 2015 Daerah Petaling peringkat MPSJ ini.

Selain itu, pihak Majlis juga turut mengadakan program gotong royong di 47 kawasan lokaliti 'hotspots' denggi di kawasan pentadbiran MPSJ.

Pihak Majlis merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ yang turut terlibat bagi menjayakan program ini.

## **2.2 MAJLIS MENGANGKAT SUMPAAH DAN MENANDATANGANI WATIKAH PELANTIKAN SEBAGAI AHLI MAJLIS, MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya telah mengadakan Majlis Mengangkat Sumpah Dan Menandatangani Watikah Pelantikan Sebagai Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Subang Jaya pada 17 Februari 2015 (Selasa), jam 2.00 petang bertempat di Bilik Mesyuarat Kenanga, MPSJ. Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan, Yang Dipertua MPSJ.

Pihak Majlis merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah di atas pelantikan seramai sembilan (9) orang Ahli Majlis MPSJ yang baharu dari Parti Keadilan Rakyat (PKR) bagi tahun 2015 ini. Dengan pelantikan ini, barisan Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Subang Jaya bagi penggal 2014/2015 kini dianggotai oleh seramai 23 orang Ahli Majlis.

Justeru itu, pihak Majlis menaruh sepenuh kepercayaan dan keyakinan terhadap kebolehan Ahli Majlis di dalam memberikan sumbangan, nasihat dan bimbingan demi untuk memaju dan meningkatkan prestasi Majlis Perbandaran Subang Jaya.

### **2.3 PERTANDINGAN KALIGRAFI CINA PERINGKAT SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH MPSJ 2015**

Pertandingan Kaligrafi Cina ini merupakan satu aktiviti yang menarik dan unik untuk dilaksanakan dan merupakan warisan bangsa Cina yang perlu dipelihara dan diberikan pendedahan kepada pelajar terutamanya pelajar berbangsa Cina supaya ia tidak luput ditelan zaman.

Tulisan Kaligrafi Cina memberikan makna tersendiri bagi mereka yang memahami keunikannya. Objektif pertandingan ini diadakan adalah untuk mencungkil bakat-bakat terpendam dikalangan para pelajar. Pertandingan Kaligrafi Cina ini akan diadakan pada 28 Februari 2015 (Sabtu), jam 8.00 pagi – 1.00 petang bertempat di Dewan Tuah, Kompleks 3C, Bandar Sunway.

### **2.4 MAJLIS SAMBUTAN TAHUN BARU CINA MPSJ 2015**

Sukacita dimaklumkan Majlis Sambutan Tahun Baru Cina Peringkat MPSJ Tahun 2015 akan diadakan pada 01 Mac 2015 (Ahad), jam 7.00 malam – 10.00 malam bertempat di Gelanggang Bola Keranjang, Jalan Indah 2, Taman Universiti Indah, Seri Kembangan.

Majlis ini akan dihadiri oleh Tetamu Kehormat Y. B. Tuan Ean Yong Hian Wah, Exco Kerajaan Negeri Selangor merangkap ADUN Seri Kembangan.

Majlis Perbandaran Subang Jaya dengan sukacita menjemput semua Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ untuk turut sama memeriahkan sambutan perayaan Tahun Baru Cina peringkat MPSJ ini.

## **2.5 MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) MPSJ 2014**

Setiap tahun, Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) diadakan bagi menghargai dan meraikan warga kerja MPSJ yang menunjukkan prestasi cemerlang dan membanggakan organisasi.

Majlis ini juga diadakan bagi memberi penghargaan dan meraikan pesara. Selain itu, warga kerja MPSJ yang cemerlang dalam pelbagai bidang seperti bidang sukan dan kebudayaan turut diberikan penghargaan menerusi Anugerah Kecemerlangan Khas.

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MPSJ 2014 akan diadakan seperti pada 10 Mac 2015 (Selasa), jam 1.30 petang bertempat di Grand Ballroom, Sunway Resort Hotel & Spa, Bandar Sunway.

Acara perasmian akan disempurnakan oleh Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Pada tahun ini, seramai 122 orang warga kerja MPSJ akan menerima anugerah atas prestasi cemerlang yang ditunjukkan, 15 orang pesara dan 5 orang akan menerima Anugerah Kecemerlangan Khas 2014.

Majlis Perbandaran Subang Jaya dengan sukacitanya menjemput semua Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ untuk turut bersama-sama menghadiri Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MPSJ 2014 ini.

## **2.6 KEM KHIDMAT SENI MPSJ 2015**

Kem Khidmat Seni MPSJ 2015 dilaksanakan secara 'smart partnership' dengan kerjasama dan penglibatan pihak sekolah di kawasan pentadbiran MPSJ. Objektif program ini diadakan bagi memberi peluang kepada kakitangan pihak sekolah dan para pelajar melibatkan diri dalam aktiviti kesenian dan kebudayaan. Selain itu, ia juga dapat mencungkil bakat-bakat baru serta melahirkan pelajar dan golongan belia yang berbakat dan berpotensi dalam bidang kesenian dan kebudayaan.

Kem Khidmat Seni MPSJ 2015 ini akan diadakan pada 14 - 15 Mac 2015 (Sabtu dan Ahad) bertempat di SMK Seafield USJ 2, Subang Jaya.

### Cadangan Aktiviti;

- ❖ Asas Vokal dan Nyanyian Koir
- ❖ Asas Muzik dan Gubahan Muzik
- ❖ Kelas Tarian Tradisional dan Tarian Moden
- ❖ Kelas Gamelan
- ❖ Kelas Kompang
- ❖ Aktiviti Membentuk Personaliti Diri
- ❖ Teknik Belajar/Latihan Secara berkesan
- ❖ Hubungan dan Komunikasi

## **2.7 PROGRAM REMAJA KOTA TURUN KE DESA**

Program ini merupakan salah satu Program Pembangunan Belia yang dilaksanakan oleh pihak Majlis bertujuan memberi pendedahan khususnya kepada golongan remaja bagi membentuk jati diri dan sahsiah diri dalam menghayati kehidupan di desa selain dapat melakukan pelbagai aktiviti rutin masyarakat desa.

Memupuk semangat keharmonian dan saling hormat menghormati di dalam usaha untuk membentuk masyarakat Malaysia yang bersatu padu serta dapat mengeratkan dan mendekatkan hubungan masyarakat kota dan desa.

Program ini juga secara tidak langsung dapat menggalakkan aktiviti pelancongan di dalam Negeri Selangor serta mempromosikan salah satu produk pelancongan negeri Selangor melalui pemilihan lokasi 'Homestay' sebagai lokasi program sejajar dengan Tahun Melawat Selangor 2015. Program ini akan diadakan pada 14 – 16 Mac 2015 (Sabtu – Isnin), bertempat di *Homestay* Sungai Haji Dorani, Sabak Bernam.

### Cadangan Aktiviti/Program;

- i. Aktiviti berbentuk kerohanian
- ii. Aktiviti gotong-royong di rumah anak-anak yatim, ibu tunggal dan warga emas
- iii. Lawatan ke kawasan pertanian dan industri kecil sederhana (IKS)
- iv. Aktiviti riadah seperti sukaneka di bendang, memancing, bermain layang-layang, gasing, membuat kraftangan, berkayak, mencari remis, pukul bantal, mencanting batik, tarik tali dan menumbuk padi.
- v. Persembahan kumpulan dan kebudayaan

## **2.8 PROGRAM EKSPLORASI RAKAN CINTA ALAM SEKITAR MPSJ 2015 - PULAU PERHENTIAN**

Objektif penganjuran Program Eksplorasi Rakan Cinta Alam Sekitar MPSJ 2015 ini diadakan adalah bagi menarik minat golongan belia dalam aktiviti mencintai alam sekitar. Program ini dapat menggalakkan kegiatan sihat dan memberi peluang kepada semua golongan termasuk remaja dan belia bagi melibatkan diri dalam aktiviti memelihara dan memulihara alam sekitar. Selain itu, ia turut menyediakan ruang dan peluang kepada para peserta untuk menzahirkan dan melahirkan semangat cintakan alam sekitar. Program ini akan diadakan pada 28 - 30 Mac 2015 (Sabtu - Isnin), bertempat di Pulau Perhentian Besar, Terengganu Darul Iman.

## **2.9 LAPORAN DEMAM DENGGI**

Bilangan kes denggi dilaporkan tahun ini sehingga Minggu Epid 7 (iaitu sehingga 21 Februari 2015) adalah sebanyak 2312 kes denggi telah dilaporkan di kawasan MPSJ dan terdapat tujuh puluh tiga (73) kawasan 'hotspots' denggi di kawasan pentadbiran MPSJ.

Sehubungan itu, dalam memerangi kes denggi ini adalah menjadi harapan pihak Majlis agar penduduk perlu memastikan kawasan premis masing-masing bebas dari tempat-tempat pembiakan aedes dengan meluangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit untuk mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes.

Kerjasama masyarakat dengan melaksanakan Kempen 10 Minit dan gotong royong adalah amat diperlukan untuk memastikan kes denggi dapat dikurangkan.

### **Peringatan Mesra Kerajaan Negeri Selangor**

“Wabak denggi semakin serius dan meningkat. Musnahkan tempat pembiakan nyamuk Aedes dengan menghapuskan tempat menakung air di tempat kediaman dan tempat kerja. Jagalah kebersihan setiap hari, setiap masa, di mana jua”.

### **3.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 01/2015 BERTARIKH 28 JANUARI 2015.**

Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 01/2015 bertarikh 28 Januari 2015 telah disahkan tanpa pindaan.

### **4.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA**

#### **4.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 03/2015 Bertarikh 04 Februari 2015**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)**

#### **4.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 04/2015 Bertarikh 16 Februari 2015**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 9.0 m.s 70	Encik Pooi Weng Keong	Kertas Cadangan Pelaksanaan Program Pemutihan	Beliau memohon supaya pihak Majlis mengkaji semula keputusan berhubung kertas

			<p>Struktur Tambahan Sementara Bangunan Industri Tanpa Kelulusan Di Kawasan Majlis Perbandaran Subang Jaya</p>	<p>cadangan ini serta membuat semakan semula dan tindakan penambahbaikan ke atas syarat-syarat kelulusan yang telah ditetapkan sebelum pelaksanaannya dikuatkuasakan oleh pihak Majlis.</p> <p><u>Keputusan:</u></p> <p>Setelah meneliti dan berbincang, Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 02/2015 bertarikh 25 Februari 2015 telah bersetuju supaya kertas cadangan ini dibawa dan dibentangkan semula di dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC yang akan datang bagi membincangkan mengenai perkara-perkara berbangkit berhubung pelaksanaan ke atas kertas cadangan ini sebelum sebarang keputusan selanjutnya diambil oleh pihak Majlis.</p>
--	--	--	--	---

**Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)**

**4.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Korporat Bil. 01/2015 Bertarikh 04 Februari 2015**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**Tindakan : Bahagian Audit Dalam**

**4.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 02/2015 Bertarikh 10 Februari 2015**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**Tindakan : Jabatan Kejuruteraan**

**4.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan Dan Teknologi Maklumat Bil. 01/2015 Bertarikh 10 Februari 2015**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan**

#### 4.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil. 02/2015 Bertarikh 12 Februari 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	Hal-Hal Lain	Encik Loka Ng Sai Kai	Memohon Statistik Maklumbalas Penduduk Berhubung Perkhidmatan Kutipan Sampah Pukal Semasa Perayaan Tahun Baru Cina	Beliau memohon supaya pihak Majlis menyediakan statistik maklumbalas penduduk mengenai perkhidmatan sampah pukal yang dilaksanakan oleh pihak Majlis semasa musim perayaan Tahun Baru Cina 2015.  <u>Maklumbalas:</u> Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan seterusnya meminta Jabatan Pengurusan Alam Sekitar untuk memberikan maklumat dan maklumbalas berhubung perkara ini kepada Ahli Majlis.

**Tindakan : Jabatan Pengurusan Alam Sekitar**

#### 4.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil. 02/2015 Bertarikh 11 Februari 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 6.1.7 m.s 16	Encik Pooi Weng Keong	Jawatankuasa Program Kesejahteraan Masyarakat Bandar (PKMB) MPSJ 2015	Beliau memohon pertimbangan daripada pihak Majlis untuk menamakan Encik Chia Yew Ken bagi mewakili Parti DAP sebagai Ahli Jawatankuasa Program Kesejahteraan Masyarakat Bandar (PKMB) MPSJ 2015.  <u>Maklumbalas:</u> Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan seterusnya meminta perkara ini dibincangkan bersama Pengarah Pembangunan Masyarakat untuk tindakan selanjutnya.
2	para 6.1.13 m.s 20	Encik Pooi Weng Keong	Pelantikan Baru Jawatankuasa Kecil Pengurusan 3C Untuk Tahun 2015	Encik Pooi Weng Keong memohon pertimbangan daripada pihak Majlis untuk menamakan Encik Chia Yew Ken bagi menggantikan beliau sebagai wakil Parti DAP untuk menganggotai

				<p>Jawatankuasa Kecil Pengurusan 3C Untuk Tahun 2015.</p> <p><u>Maklumbalas:</u> Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan seterusnya meminta perkara ini dibincangkan bersama Pengarah Pembangunan Masyarakat untuk tindakan selanjutnya.</p>
--	--	--	--	--

**Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat**

**4.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Dan Kesihatan Bil. 02/2015 Bertarikh 16 Februari 2015**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 9.25 m.s 101	Ir. Izham bin Hashim	Tapak Peniaga Berkenderaan Di Jalan USJ 1/19, Subang Jaya	Beliau memohon pihak Majlis membuat pemantauan terhadap tapak perniagaan berkenderaan ini memandangkan ia merupakan projek perintis penyusunan penjaja di kawasan Subang Jaya.

				<p>Sekiranya perkara ini berjaya dilaksanakan dengan baik dan teratur, projek ini boleh diperluaskan ke lokasi-lokasi lain dalam kawasan pentadbiran MPSJ.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan seterusnya meminta Jabatan Pelesenan untuk mengambil tindakan selanjutnya berhubung perkara ini.</p>
--	--	--	--	---

**Tindakan : Jabatan Pelesenan**

**4.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 02/2015 Bertarikh 17 Februari 2015**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 5.9 m.s 12	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	Rayuan Kedua Bagi Melanjutkan Tempoh Penyewaan Tempat Letak Kenderaan Berat Awam Di Jalan TP 2, Taman Perindustrian	Beliau memohon supaya pihak Majlis mengkaji semula keputusan berhubung perkara ini dan seterusnya memberikan pertimbangan semula ke atas

			UEP, Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan Oleh Syarikat Setiajasa Enterprise.	<p>permohonan rayuan ini.</p> <p><u>Maklumbalas:</u> Dato' Yang Dipertua memutuskan untuk mengekalkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 02/2015 ke atas cadangan kertas mesyuarat ini seperti yang dicatatkan di dalam Minit Mesyuarat.</p>
2	para 5.11 m.s 13	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	Makluman Berkenaan Status Semasa Penyewaan Tanah Di Atas Tapak Kawasan Lapang Di Jalan TPP 1/1, Taman Perindustrian Puchong, Puchong, Selangor Darul Ehsan Untuk Tujuan Meletak Kenderaan	<p>Beliau memohon supaya pihak Majlis mengkaji semula keputusan berhubung perkara ini dan seterusnya mencadangkan supaya perkara ini dibawa dan dibincangkan semula di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan yang akan datang.</p> <p><u>Maklumbalas:</u> Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan meminta supaya perkara ini dibawa dan dibentangkan semula di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan yang akan datang bagi membincangkan mengenai isu-isu</p>

				berbangkit berhubung perkara ini sebelum sebarang keputusan selanjutnya diambil oleh pihak Majlis.
--	--	--	--	---

**Tindakan : Jabatan Perbendaharaan**

**5.0 KERTAS MESYUARAT CADANGAN KEAHLIAN AHLI MAJLIS  
DALAM MESYUARAT JAWATANKUASA DAN PENYUSUNAN  
AHLI MAJLIS SEBAGAI Pengerusi JAWATANKUASA  
PENDUDUK (JKP) MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BAGI  
PENGAL 2014 – 2015  
(Kertas Mesyuarat Bil. 01/02/2015)**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat **bersetuju menerima dan meluluskan** Kertas Mesyuarat Cadangan Keahlian Ahli Majlis Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Dan Penyusunan Ahli Majlis Sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penduduk (JKP) Majlis Perbandaran Subang Jaya Bagi Penggal 2014 – 2015.

Senarai Keahlian Ahli Majlis Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Majlis Perbandaran Subang Jaya bagi penggal 2014 – 2015 adalah seperti di lampiran 1.

Senarai Penyusunan Ahli Majlis Sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penduduk (JKP) Majlis Perbandaran Subang Jaya bagi penggal 2014 – 2015 adalah seperti di lampiran 2.

**Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan**

## **6.0 UCAPAN PENANGGUHAN**

- 6.1** YBhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Majlis di atas kerjasama sepanjang mesyuarat dijalankan dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.40 pagi.

**'MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI'**

**Disediakan oleh;**

.....  
**(ABDULLAH BIN MARJUNID)**, S.I.S., A.M.S.  
Setiausaha Perbandaran  
**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

**Disahkan oleh;**

.....  
**(DATO' NOR HISHAM BIN AHMAD DAHLAN)**, D.P.M.S., S.M.S  
Pengerusi Mesyuarat  
**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**